

## KENYATAAN MEDIA

### **SKIM PEMBIAYAAN INFORMAL DAN MIKRO (SPIM) BANTU USAHAWAN PULIH PERNIAGAAN SEMASA PANDEMIK COVID 19**

---

**JOHOR BAHRU, 19 Februari 2022** – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui agensinya TEKUN Nasional telah melancarkan SPIM bagi membantu usahawan informal dan mikro untuk memulih dan memulakan semula perniagaan yang terjejas daripada wabak COVID-19 dan bencana banjir.

Skim Pembiayaan Informal dan Mikro (SPIM) telah dibuka untuk permohonan pada 1 hingga 15 Januari yang lalu, dengan dana yang diperuntukkan berjumlah RM200 juta.

YB Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi berkata, “Melalui SPIM, usahawan ditawarkan dengan nilai pembiayaan sehingga RM10 ribu tanpa caj keuntungan dan moratorium selama 12 bulan”.

“TEKUN Nasional menerima permohonan yang terlalu tinggi dalam masa singkat untuk pembiayaan SPIM ini. Dana yang sepatutnya untuk penyaluran setahun telah habis dalam tempoh 2 minggu. Sebanyak 23,767 permohonan telah diterima dan sehingga 15 Februari 2022, 15,902 permohonan telah diluluskan dengan nilai RM130.5 juta”, tambah beliau.

YB Tan Sri Noh bin Haji Omar turut menjelaskan, “Bagi memastikan kelancaran permohonan SPIM, TEKUN Nasional telah mengambil langkah penambahbaikan dengan menaik taraf sistem permohonan atas talian. Penambahbaikan tersebut perlu dilaksanakan bagi menampung bilangan permohonan yang terlalu tinggi. Walau bagaimanapun dalam proses tersebut, terdapat isu teknikal yang timbul di mana sistem tersebut telah digodam dan menyebabkan berlaku kelewatan dalam memproses permohonan, kelulusan dan penyaluran pembiayaan”.

“Susulan itu, pihak TEKUN telah membuat laporan polis pada 16 Februari 2022”.

Pihak TEKUN telah mengambil langkah-langkah bagi mengatasi isu ini secepat mungkin. Antaranya penyaluran pembiayaan telah dilaksanakan melalui cetakan cek yang diagihkan ke setiap Pejabat TEKUN Cawangan di seluruh negara, oleh kerana penyaluran pindahan dana elektronik tidak dapat dilaksanakan kerana gangguan teknikal tersebut.

“Sehingga kini, TEKUN Nasional telah menyalurkan pembiayaan berjumlah RM110.1 juta kepada 13,370 orang usahawan di bawah SPIM melalui cetakan cek dan pindahan dana elektronik.

“Penyaluran pembiayaan ini dijangka dapat diatasi sepenuhnya pada pertengahan bulan Mac ini”, ujar beliau.

Bagi memastikan usahawan yang terkesan dapat dibantu secepat mungkin, YB Tan Sri Noh bin Haji Omar bersama-sama Pengurusan TEKUN telah turun padang bagi menyerahkan sendiri 54 cek pembiayaan SPIM bernilai RM367 ribu kepada usahawan yang terlibat sekitar Parlimen Iskandar Puteri dan Pulai Johor hari ini.

Buat masa ini, usahawan boleh hadir ke Pejabat TEKUN Cawangan berhampiran bagi mendapatkan maklumbalas berkenaan permohonan pembiayaan.

Sejak diwujudkan pada tahun 1998 sehingga Januari 2022, TEKUN Nasional telah menyalurkan pembiayaan kepada 498,733 orang usahawan dengan nilai RM7 bilion di seluruh negara. Ini menunjukkan kerajaan melalui TEKUN Nasional sememangnya komited dalam membantu usahawan Bumiputera.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**  
**19 FEBRUARI 2022**